

Jangan biarkan anak jadi korban politik

JERTEH, Sabtu — Para ibubapa di negeri ini dinasihatkan supaya jangan melibatkan anak-anak mereka yang masih bersekolah dengan politik.

Gesaan ini dibuat oleh Ahli Dewan Undangan kawasan Ulu Besut, Haji Hussin Abdullah, memandangkan adanya ibubapa, terutamanya di daerah ini yang sengaja menanamkan fahaman dan konsep-konsep salah di jiwa anak-anak mereka supaya mereka ini membencikan kerajaan.

Jika ini berterusan, jelas beliau, di percayai anak-anak sekolah kelak akan tidak dapat mempuan perhatian sepenuhnya kepada pelajaran, malah ditakuti akan sentiasa bersifat negatif terhadap segala percubaan Kerajaan untuk menolong meningkatkan taraf hidup dan masa depan mereka.

Berucap semasa merasmikan Mesyuarat Agung PIBG, Sekolah Pusat Jerteh, Haji Hussin berkata, sepatutnya ibubapa

Oleh ROSLAN ADI

mengawasi anak-anak mereka agar tidak diganggu oleh gejala-gejala politik. Sebaliknya memastikan mereka berminat kepada pelajaran.

Seterusnya, Haji Hussin merasa kecewa kerana terdapatnya kini golongan ibubapa yang sanggup menghancurkan masa depan anak-anak mereka dengan ajaran yang menyelerweneg terhadap politik kerana ingin menegakkan sokongan atau fahaman mereka terhadap parti lawan yang didokonginya.

Beliau menyatakan kebelaunya kerana sejak fatwa kafir ditimbulkan, telah menyebarkan segolongan ibubapa yang terpengaruh telah melarang anak-anak mereka

menikmati makanan panas pagi dalam rancangan amalan makanan yang disediakan di sekolah-sekolah sekang.

Yang menyedihkan, kini berlaku di pedalaman Ulu Besut di mana seorang kanak-kanak sekolah rendah diberhentikan dari menghadiri kelas oleh ibubapanya kerana berpendapat belajar di sekolah kerajaan akan masuk neraka, jelas beliau lagi.

Beliau seterusnya menggesa ibubapa agar berfikir dan berpandangan jauh dan sanggup menjauhi diri dari gejala-gejala menghasut demi kepentingan masa depan anak-anak.

Haji Hussin juga berharap ibubapa selalu mendampingi guru-guru sekolah bagi berbincang mencari jalan memajukan pelajaran anak-anak melalui menghadiri

perjumpaan yang diadakan oleh PIBG sekolah tersebut.

Di akhir majlis beliau telah memperuntukkan \$800 membeli pakaian bantuan kepada 100 murid-murid miskin sekolah tersebut.

Haji Hussin juga menyampaikan sebuah piano berharga \$4,800, hadiah dari Tuan Haji Abdullah Jusoh, Ahli Exco Kerajaan Trengganu untuk Kumpulan Kolir sekolah tersebut.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia